



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

(Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan (Pindaan) 1971

DR.103/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta (Mengawal dan Melesen)
Pemaju Perumahan, 1966.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan
Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan
kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan (Pindaan), 1971. Tajok ringkas.
2. Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 ada-lah dengan ini di-pinda sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini. Pindaan. 38/66.
3. Ordinan No. 41 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan. Peman-sokhan.

JADUAL

Pindaan² kapada Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966

1. *Sekshen 2*

Gantikan sekshen-kechil (1) dengan yang berikut :

“(1) Nothing in this Act shall apply to—

- (a) any society registered or incorporated under any written law relating to co-operative societies; and
- (b) any body or agency established and incorporated by statute and under the control of the Federal or State Government.”.

2. *Sekshen 3*

- (a) Gantikan perkataan “appurtenance” yang terdapat dalam baris kelima dalam tafsiran perkataan “develop” dengan perkataan “appurtenant”;

- (b) Gantikan perkataan "adopted" yang terdapat dalam baris ketiga dalam tafsiran perkataan "housing accommodations" dengan perkataan "adapted"; dan
- (c) Gantikan perkataan "section 24 (2) (c)" yang terdapat dalam baris kedua dalam tafsiran perkataan "prescribed" dengan perkataan "this Act".

3. Sekshen 6

- (a) Gantikan perkataan "or" yang terdapat dalam baris pertama dan perkataan "five hundred" yang terdapat dalam baris kedua dalam sekshen-kecil (1) (a) masing² dengan perkataan "and" dan perkataan "two hundred and fifty"; dan
- (b) Gantikan perkataan "or" yang terdapat pada hujung sekshen-kecil (1) (b) dan juga pada hujung sekshen-kecil (1) (c) dengan perkataan "and".

4. Sekshen 9

Gantikan perkataan "Minister of Finance" di-mana sahaja ia terdapat dalam sekshen-kecil (1) dengan perkataan "Minister".

5. Sekshen 16

Gantikan perkataan "A licensed housing developer" yang terdapat dalam baris pertama dengan perkataan "An applicant applying under section 5 (3) or a licensed housing developer, as the case may be,".

HURAIAN

Menurut kuasa² dharurat, Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 41 Dharurat, 1970 bagi meminda Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966.

2. Dari pengalaman Pengawal Perumahan maka telah di-dapati perlu di-pinda Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 sa-bagaimana tersebut kemudian daripada ini untuk mengadakan perubahan² yang berikut:

- (a) oleh kerana Akta itu asal-nya bertujuan untuk mengawal pemaju² perumahan persendirian dan bukan untuk mengawal atau menyekat kegiatan sharikat² kerjasama atau badan² berkanun atau ejensi² Kerajaan Persekutuan atau Negeri, maka rasa-nya tidak-lah patut peruntukan² Akta itu di-pakai bagi badan² atau ejensi² itu. Pindaan² kapada sekshen 2 (1) Akta itu ada-lah mengechualikan badan² dan ejensi² itu daripada peruntukan² Akta itu;
- (b) pindaan² kapada sekshen 3 Akta itu ada-lah mengenai kesilapan² kecil tentang pentafsiran sa-tengah² perkataan yang perlu di-betulkan;
- (c) pindaan² kapada sekshen 6 (1) Akta itu menghilangkan kesamaran yang terdapat dalam sekshen itu dan juga mengurangkan jumlah modal terkumpul yang di-kehendaki bagi sa-saorang pemohon lesen kemajuan perumahan daripada \$500,000 kapada \$250,000 oleh sebab jumlah modal terkumpul yang di-kehendaki sekarang ini ada-lah di-fikirkan berlebihan;

- (d) pindaan² kepada sekshen 9 (1) ada-lah di-maksudkan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan atau melantek juru² odit untuk memeriksa akaun² sa-saorang pemaju perumahan berlesen. Ini akan memudahkan urusan kerana sa-saorang pemaju perumahan berlesen perlu mengurus hanya dengan satu pihak-berkuasa sahaja mengenai perkara² berkaitan dengan kemajuan perumahan;
- (e) pindaan² kepada sekshen 16 Akta itu ada-lah untuk menghilangkan apa² kesamaran yang terdapat dalam sekshen ini sekarang.

Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan sa-mula pindaan² Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 yang tersebut di-atas dalam satu undang² yang kekal. [PN. (U²) 173.]

